

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan.
 2. Guru akan menyediakan soalan situasi, kertas mahjong, *sticky note* dan *marker pen*.
 3. Panduan aktiviti iaitu :

- (a) Guru akan mengedarkan soalan perbincangan kepada semua kumpulan.
- (b) Murid akan berbincang dalam kumpulan.
- (c) Murid akan menampal hasil kerja di dinding untuk dilihat oleh kumpulan lain.
- (d) Murid daripada kumpulan lain akan menulis komen pada *sticky note* tentang hasil kerja kumpulan yang mereka lawati dan menampalnya pada hasil kerja tersebut.

4. Situasi perbincangan seperti berikut :

Situasi 1:

Helena terbaca satu komen dalam sebuah forum dalam talian daripada seorang pengguna luar negara yang mendakwa rakyat Malaysia tidak ramah.

Situasi 2:

Ketika menaiki bas pelancongan, Sunny terdengar pelancong menggelar Malaysia sebagai negara yang kotor dan tidak selamat.

Situasi 3:

Semasa program pertukaran pelajar, Kumar melihat rakannya dari negara lain memuat naik status yang mengejek sekolah di Malaysia.

Situasi 4:

Sewaktu di muzium, Rani melihat pelancong mentertawakan pakaian tradisional pelbagai suku kaum di Malaysia.

5. Berdasarkan situasi di atas, nyatakan:
 - (a) cara bertindak berani
 - (b) kepentingan bertindak berani
 - (c) kesan pengabaian amalan berani mempertahankan maruah negara
6. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan aktiviti murid.